

IKLAN JAWATAN

Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan ini mempelawa calon Bumiputera Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan secara kontrak bagi mengurus dan mengawal selia projek Pembangunan UiTM di Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan.

I. JAWATAN

BIL	JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI
1.	PENGURUS PROJEK/ARKITEK	J48	Kontrak	P1T1 RM 3851.09 - PIT8 RM 5109.49
2.	JURUTERA	J44	Kontrak	P1T1 RM 2631.01 - P1T1 RM 4361.71
3.	JURUKUR BAHAN	J41	Kontrak	P1T1 RM 1815.87 - P1T23 RM 4105.19
4.	PEMBANTU TEKNIK	J29	Kontrak	P1T1 RM 1239.52 - P1T21 RM 2437.42
5.	PEMBANTU TADBIR (Perkeranian /Operasi)	N17	Kontrak	P1T1 RM 656.30 - P1T24 RM 1721.10

II. SYARAT LANTIKAN

1. Arkitek (Gred J48) Kosong 1

- Ijazah Sarjana Muda Senibina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- Berpengalaman tidak kurang dari tujuh (7) tahun dalam bidang senibina; dan
- Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan bergantung kepada pengalaman).

2. Jurutera (Gred J44) Kosong 3

- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam atau Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal atau Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- Berpengalaman tidak kurang dari tiga (3) tahun dalam bidang kejuruteraan awam atau kejuruteraan mekanikal atau kejuruteraan elektrik; dan
- Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan bergantung kepada pengalaman).

3. Jurukur Bahan (Gred J41) Kosong 1

- Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- Pengalaman tidak kurang dari satu (1) tahun dalam bidang ukur bahan atau berpengalaman sebagai Pembantu Teknik (Ukur Bahan) tidak kurang daripada 3 tahun; dan
- Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan bergantung kepada pengalaman).

4. Pembantu Teknik (Gred J29) Kosong 2

- Diploma dalam bidang senibina atau kejuruteraan awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- Berpengalaman sebagai Pembantu Teknik (Senibina) atau (Kejuruteraan Awam) tidak kurang dari 3 tahun; dan
- Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5. Pembantu Tadbir (Perkeranian /Operasi) (Gred N17) Kosong 1

- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. Keutamaan kepada mereka yang ada kemahiran dalam mengendalikan komputer.

III. UMUR

- Calon-calon hendaklah berumur antara 18 tahun hingga 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- Calon-calon yang berumur melebihi 41 tahun diminta mengemukakan Laporan Pemeriksaan Perubatan.

IV. PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- Pemohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan salinan rekod perkhidmatan yang dikemaskinikan.
- Setiap permohonan mestilah disertai dengan salinan siji-siji yang telah disahkan
- Hanya permohonan yang ditapis - senarai akan dipanggil untuk ditemuduga
- Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
- Pemohon mestilah bersedia berkhidmat di projek pembangunan UiTM, di Sungai Buloh Selangor Darul Ehsan.

V. CARA MEMOHON

Pemohonan hendaklah dibuat di dalam borang Permohonan Jawatan Pentadbiran yang boleh didapati di kaunter Bahagian Pembangunan, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Sila nyatakan jawatan yang dipohon di penjurua atas sebelah kiri sampul surat.

Tarikh tutup permohonan ialah dua minggu selepas tarikh iklan diiklankan iaitu pada 24hb September 2006

Sila hantar borang yang telah diisi dengan lengkap ke alamat berikut:



**UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

Pengarah
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
NO. TEL: (03) 5544 2248 / 2253